



KPT arah UiTM siasat punca data lebih 11,000 pemohon bocor

Oleh **Raja Noraina Raja Rahim** - Mei 11, 2023 @ 5:30pm
rnoraina@hmetro.com.my



UiTM Shah Alam.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengarahkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengambil tindakan berhubung dakwaan kebocoran data lebih 11,000 pemohon universiti itu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata siasatan lanjut akan dijalankan pihak universiti termasuk mengenal pasti pelaku.

"Saya sudah meminta pihak pengurusan mengambil tindakan bukan saja mengatasinya tetapi supaya perkara ini tidak berulang lagi.

"Kita sekarang berada di zaman teknologi maklumat dan data, ia termasuk dalam soal keselamatan siber," katanya ketika ditemui pemberita semasa lawatan kerja di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di sini, hari ini.

Semalam, media melaporkan UiTM memohon maaf dan mengambil maklum mengenai dakwaan mengenai berlaku kebocoran data lebih 11,000 pemohon universiti berkenaan.

Menerusi akaun Twitter rasminya, UiTM mengesahkan pautan kepada senarai sebanyak 11,891 nombor kad pengenalan dan e-mel pemohon itu tidak lagi aktif kerana kemas kini sudah dilakukan.

Ia susulan seorang pengguna Twitter mendakwa bahawa UiTM menyarkan nombor MyKad dan e-mel pemohon terbabit di internet.

Maklumat nombor kad pengenalan dan alamat e-melnya turut didapati dalam senarai berkenaan.

Berikutan itu, Mohamed Khaled berkata, program pengajian siber yang ditawarkan universiti termasuk UPNM adalah bertepatan dengan situasi semasa dunia yang berdepan cabaran keselamatan siber.

Justeru, katanya, beliau sudah meminta UPNM memikirkan suatu perancangan jangka panjang bagaimana mengemudi dan mendominasi soal keselamatan negara.

"Kita sedia maklum dunia sekarang berdepan pelbagai cabaran dan Malaysia tidak terkecuali daripada perlu menangani cabaran itu.

"Banyak cabaran berkisar soal keselamatan maka di sinilah peranan yang boleh dimainkan universiti," katanya.

Dalam rangka lawatan itu, Mohamed Khaled turut mendengar taklimat mengenai sejarah dan perancangan UPNM dalam usaha melahirkan penuntut berilmu, berkemahiran dan menjadi modal insan negara.